

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT: UBM MALAYSIA

PUBLICATION: BERNAMA.COM SECTION: BERITA – EKONOMI

DATE: TUESDAY, 4 SEPTEMBER 2018 PAGE NO.: 1 OF 1

HEADLINE: MOGSEC 2018 SASAR JUALAN LEBIH RM400 JUTA

URL: <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1639365>



MOGSEC 2018 sasar jualan lebih RM400 juta

Tarikh kemaskini: 04/09/2018



KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) – Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia (MOGSEC) 2018, yang akan diadakan dari 25-27 Sept di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, dijangka menjana jualan lebih RM400 juta.

Pengurus Besar Malaysian Exhibition Services Sdn Bhd (MES) Alun Jones berkata pameran pada tahun ini akan menyaksikan penyertaan daripada 350 penyedia perkhidmatan minyak dan gas yang berpangkalan di Malaysia dan dijangka menarik kira-kira 7,000 pengunjung perdagangan.

“Kami menjangka untuk menyaksikan jualan lebih tinggi bagi edisi keempat acara dwitahunan itu, berbanding MOGSEC 2016 yang meraih RM390 juta, berdasarkan iklim industri yang lebih baik pada tahun ini dan pada masa akan datang,” katanya pada sidang media mengenai MOGSEC 2018 bertemakan “Catalysing Regional Growth in Oil and Gas” di sini hari ini.

MOGSEC dilancarkan pada 2012 oleh Majlis Perkhidmatan Minyak & Gas Malaysia (MOGSC) sebagai usaha untuk menempatkan Malaysia sebagai hab minyak dan gas di rantau ini.

Presiden MOGSC Sharifah Zaida Nurlisha Syed Ibrahim berkata edisi pada tahun ini bertujuan mempamerkan keupayaan dan kejayaan penggiat industri tempatan.

“Membenarkan hanya syarikat tempatan menyertai MOGSEC berbanding syarikat antarabangsa membolehkan penggiat industri kecil menjangkau pihak berkepentingan dan untuk memaklumkan kepada mereka bahawa kita mempunyai keupayaan dan tenaga kerja tempatan yang mencukupi, untuk menyokong industri,” katanya.

MOGSEC 2018 bertujuan membantu syarikat perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas Malaysia (OGSE) bukan sahaja untuk meningkatkan perniagaan dan operasi mereka tetapi turut di peringkat antarabangsa, katanya.

Sharifah Zaida Nurlisha berkata 2018 merupakan tahun yang menarik bagi industri dengan harga minyak mentah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan sejak awal tahun ini dan dengan penganalisis mengunjurkan minyak mentah Brent diniagakan antara US\$70 dan US\$75 setong hingga akhir tahun dan terus stabil pada 2019.

Berdasarkan ini, katanya industri menyaksikan pelaburan meningkat untuk meningkatkan pengeluaran dalam lapangan minyak dan gas sedia ada, selain marginal baharu, di samping menggiatkan penerokaan dan pembangunan di kawasan laut dalam.

Dalam persekitaran ini, syarikat OGSE Malaysia perlu terus mengekalkan momentum mereka dan meningkatkan daya saing mereka berikutan terdapat peluang, katanya.

“Mereka perlu meninjau peluang kerjasama dengan penggiat lain dalam pasaran tempatan atau serantau dari segi teknologi, penyelesaian bersepadu, tenaga kerja berkualiti, atau keupayaan eksport, untuk meningkatkan daya saing mereka.

“Ini adalah sebab utama kami mewujudkan platform MOGSEC,” katanya.

MOGSEC 2018 dianjurkan bersama MOGSC dan MES dan disokong antara lain, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Shell dan Telekom Malaysia.

– BERNAMA